

10/02/2004

Tiada siapa boleh cucuk Najib, saya: Abdullah

Mohd Fuad Razali; Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi, mengulangi keyakinannya boleh bekerjasama dengan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, pihak yang cuba melagakan mereka pada peringkat awal pelantikan Najib, kini kecewa, kerana timbalannya itu sendiri sudah beberapa kali menyatakan boleh bekerjasama dan akan taat kepada beliau.

"Kadangkala saya dengar juga pada peringkat awal, tetapi setelah beberapa kali Najib sendiri membuat kenyataan tentang dia dengan saya boleh bekerja, dia akan taat setia pada saya, maka jika ada sesiapa nak 'cucuk', tak boleh 'cucuk' lagi dah. Kecewalah mereka.

"Pelantikan Najib sejak awal lagi tidak menimbulkan sebarang masalah atau menyebabkan perebutan kuasa di dalam Umno," katanya pada rancangan khas 'Cabaran Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi' yang disiarkan TV3.

Wawancara sejam itu diadakan sempena 100 hari pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri.

Mengenai usaha membanteras rasuah, Abdullah berkata, faktor jati diri manusia penting kerana ia akan menentukan perjalanan sesuatu sistem sama ada lancar atau tidak dalam menangani rasuah.

"Kalau sistem dan undang-undang itu baik tetapi manusia itu jenis yang tidak ambil endah, ataupun dia ada agenda sendiri dan mempunyai niat tidak baik, undang-undang itu tidak akan membawa kesan yang baik," katanya.

Beliau berkata, kalau sistem itu kurang baik tetapi manusia itu baik, mereka masih boleh membuat penyesuaian bagi menjayakan sesuatu yang hendak dilakukan, sebaliknya jika manusia itu tidak baik, apa juga sistem yang baik tidak akan membawa apa-apa kesan.

Katanya, rasuah jika tidak dibendung akan membawa banyak masalah kepada negara, pentadbiran dan pihak swasta kerana akibat daripada rasuah, kos sesuatu perkhidmatan dan kos sesuatu projek yang hendak dilaksanakan akan meningkat.

Beliau berkata, semua rakyat Malaysia mengakui rasuah tidak baik dan tidak boleh dibenar merebak yang boleh membawa kepada masalah besar dan memberi imej tidak baik kepada negara.

"Dengan (rasuah) itu menyebabkan orang lari daripada kita. Pelabur tak suka datang, orang berniaga pun tidak suka berniaga dengan kita. Dengan itu kita akan menghadapi banyak masalah, dan di samping itu ia amat memalukan," katanya.

Abdullah juga berkata, Umno sudah bersedia menghadapi pilihan raya umum akan datang serta yakin Barisan Nasional dapat mencapai kejayaan lebih besar di Terengganu dan Kelantan.

Katanya, sambutan rakyat Kelantan terhadap kegiatan yang dianjurkan oleh Umno lebih baik daripada dulu.

Menyentuh hubungan dengan negara Asean, Abdullah berkata, Malaysia akan terus bekerjasama dengan negara terbabit bagi menjamin rantau ini bebas daripada penganas serta tidak dikaitkan dengan kegiatan keganasan terutama seperti yang dikaitkan selepas peristiwa 11 September.

Malah beliau mengharap masalah dua hala yang wujud antara Malaysia dengan Singapura dapat diselesaikan segera manakala kawasan di sempadan negara dengan Thailand dapat dibangunkan supaya penduduk sekitarnya turut mendapat manfaat daripada pembangunan yang dilaksanakan.

Beliau turut meletakkan harapan kepada negara anggota Persidangan Negara Islam (OIC) untuk memperjuangkan hak masyarakat Islam di negara lain.

"Tindakan diplomatik di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu penting bukan

sekadar untuk mendapat perhatian tetapi juga sokongan dalam apa juga tindakan yang wajar diambil bagi menyokong rakyat di negara terbabit.

"Selain itu kita boleh membantu secara langsung dari segi tenaga, kepakaran seperti perubatan dan sebarang kegiatan projek," katanya.

Beliau turut menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya pentadbirannya tidak mencerminkan kesinambungan dasar yang diasaskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Ini ada hubungan dengan cara bekerja. Sebenarnya kesinambungan dalam mencapai Wawasan 2020 ada, tetapi cara bertindak berlainan. Dr Mahathir mengakui cara saya tidak boleh sama dengan dia," katanya.